

Kerajaan teliti buka pintu sempadan

BH-8/10/2021
mld: 2

Enam perkara jadi panduan benar warga asing masuk Malaysia

Oleh Zanariah Abd Mutalib,
Mohd Nasaruddin Parzi
dan Muhammad Yusri Muzamir
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan tidak akan membuka pintu sempadan negara sewenang-wenangnya, sebaliknya kebenaran kemasukan pengembara bukan warga negara bergantung kepada maklumat situasi COVID-19 negara asal.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata enam perkara yang dijadikan panduan sebelum warga negara

asing dibenarkan masuk ke negara ini.

Syarat itu adalah jumlah kes COVID-19 dalam tempoh 14 hari kebelakangan di negara itu, kadar insiden per satu juta penduduk, kadar kematian per satu juta penduduk, kadar kematian kumulatif, indeks pemulihan dan kes kumulatif COVID-19 di negara berkenaan.

“Jadi, kalau ada yang kita dapat kes meningkat di negara mereka mungkin kita akan mengubah dasar kita daripada membenarkan kepada tidak membenarkan, kita fleksibel dari segi itu,” katanya pada sesi soal jawab di Dewan Negara, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Senator Datuk Razali Idris, sama ada kerajaan mempunyai pelan krisis pengurusan COVID-19 nasional jika berlaku lonjakan kes dan penularan varian baharu apabila sempadan dibuka.

Selain itu, beliau berkata, kerajaan meletakkan syarat hanya pengembara lengkap divaksinasi dibenarkan masuk ke Malaysia, selain sempadan negara masih belum dibuka kepada pelancong.

“Kalau kita lihat dari segi sejarah, walaupun kita buka pintu negara kita kepada warga negara asing untuk masuk tetapi perkembangan di negara asal pengembara juga diambil kira.

“Setiap tindakan kerajaan, kita dapat pandangan dan cadangan Kementerian Kesihatan (KKM) yang buat penilaian risiko, kita tidak buka (sempadan) sewenang-wenangnya,” katanya.

Ismail Sabri berkata, KKM akan membuat penilaian risiko semasa jangkitan COVID-19 di dalam negara sebelum memuktamadkan keputusan mengenai pembukaan semula sempadan.

Selain itu, katanya, kemasukan warga negara dan warga



Ismail Sabri pada sesi soal jawab di Dewan Negara, semalam.

(Foto Izzuddin Abd Radzak /BH)

asing seperti pelajar, diplomat, golongan profesional serta pelabur asing dibenarkan ketika Fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan, mulai Jun 2020.

Bagaimanapun, beliau berkata, kebenaran itu juga tertakluk kepada prosedur operasi standard (SOP) dan syarat ditetapkan, termasuk keperluan menjalani kuarantin wajib di pusat kuarantin disediakan.

“Di bawah Pelan Pemulihan Negara, kerajaan sentiasa menambah baik SOP berkaitan perkara ini dan bermula 12 Ogos lalu, pengembara warga negara dan bukan warga negara yang sudah menerima imunisasi lengkap boleh membuat permohonan

menjalani kuarantin wajib di rumah atau tempat kediaman.

“Namun, kebenaran ini hanya boleh diberikan tertakluk kepada penilaian risiko oleh KKM dan pemohon masih perlu menjalani ujian saringan COVID-19 sebelum diberikan kebenaran berkenaan,” katanya.

Menjawab soalan tambahan Senator Muhammad Zahid Md Arip mengenai tindakan beberapa negara yang hanya membenarkan penerima vaksin tertentu masuk ke negara itu, Ismail Sabri berkata, kerajaan mengadakan perbincangan dan rundingan dengan negara berkaitan bagi membolehkan rakyat Malaysia masuk ke negara berkenaan.